

Canon

EOS-1D X Mark II

EOS-1D X Mark II (G)

Manual Arahan LAN Berwayar

BM

MANUAL
ARAHAN

Pengenalan

Apa yang Boleh Anda Buat Menggunakan Fungsi LAN Berwayar

Menggunakan fungsi LAN berwayar kamera membolehkan anda melakukan yang berikut:



FTP Transfer

Pindahkan imej ke pelayan FTP



EOS Utility

Gunakan EOS Utility untuk menangkap, melihat dan memuat turun imej secara jauh



WFT Server

Gunakan pelayar web untuk menangkap, melihat dan memuat turun imej secara jauh



Smartphone

Gunakan telefon pintar untuk menangkap, melihat dan memuat turun imej secara jauh



Sync the Camera Time

Menyelaraskan masa antara model kamera yang sama



Senarai Bab

	Pengenalan	2
1	Tetapan Rangkaian Asas	7
2	Memindahkan Imej ke Pelayan FTP	21
3	Mengendali secara Jauh Menggunakan EOS Utility	39
4	Mengendalikan secara Jauh Menggunakan Pelayan WFT	43
5	Mengendalikan secara Jauh Menggunakan Telefon Pintar	59
6	Menyelaraskan Masa Kamera	67
7	Menamatkan Sambungan dan Menyambung Semula	71
8	Memeriksa dan Mengendalikan Tetapan Sambungan	75
9	Panduan Penyelesaian Masalah	87
10	Rujukan	103

Kandungan





Pengenalan	2
Senarai Bab.....	3
Kelaziman yang Digunakan dalam Manual Ini	6
1 Tetapan Rangkaian Asas	7
Sambungan Kabel LAN.....	8
Persediaan	9
Tetapan Fungsi Komunikasi Asas	12
Memaparkan Tuntunan Sambungan	16
2 Memindahkan Imej ke Pelayan FTP	21
Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan Pelayan FTP	22
Menghantar Imej secara Berasingan.....	27
Pemindahan Kelompok	32
Melihat Imej yang Telah Dipindah	37
3 Mengendali secara Jauh Menggunakan EOS Utility	39
Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan EOS Utility.....	40
Menggunakan EOS Utility	42
4 Mengendalikan secara Jauh Menggunakan Pelayan WFT	43
Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan Pelayan WFT	44
Memaparkan Pelayan WFT	46
Melihat Imej	49
Menangkap secara Jauh [Camera control (Kawalan kamera)]	51
Menangkap secara Jauh [Simple control (Kawalan ringkas)]	56
5 Mengendalikan secara Jauh Menggunakan Telefon Pintar	59
Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan Telefon Pintar	60
Mengendalikan Kamera Menggunakan Telefon Pintar.....	62
Menentukan Imej Boleh Dilihat.....	64

6	Menyelaraskan Masa Kamera	67
	Menyelaraskan Masa	68
7	Menamatkan Sambungan dan Menyambung Semula	71
	Menamatkan Sambungan	72
	Menyambung semula	73
8	Memeriksa dan Mengendalikan Tetap Sambungan	75
	Memaparkan Skrin Tetap Sambungan	76
	Menukar Tetap	78
	Menyimpan dan Memuat Tetap	82
	Skrin Tetap Fungsi	84
9	Panduan Penyelesaian Masalah	87
	Respons kepada Mesej Ralat	88
	Panduan Penyelesaian Masalah	100
	Memeriksa Tetap Rangkaian	101
10	Rujukan	103
	Mencipta dan Mendaftar Keterangan	104
	Menetapkan Alamat IP secara Manual	106
	Spesifikasi LAN Berwayar	108
	Indeks	113

Kelaziman yang Digunakan dalam Manual Ini



- Dalam manual ini, istilah “titik akses” menunjukkan titik akses LAN wayarles, penghala LAN wayarles, dll yang menyampaikan sambungan LAN wayarles.
- Arahan ini harus dipatuhi selepas menyediakan persekitaran pelayan LAN dan FTP anda. Untuk maklumat tentang menyediakan persekitaran, rujuk kepada dokumentasi yang disediakan dengan setiap peranti atau hubungi pengeluar.
- Baca Manual Arahan Kamera dan membiasakan diri anda dengan mengendalikan kamera sebelum mengikuti arahan pada pilihan kamera.

Ikon dalam Manual ini

- <> : Menunjukkan Dail Utama.
- <> : Menunjukkan Dail Kawalan Cepat.
- <> : Menunjukkan Pengawal berbilang.
- <> : Menunjukkan butang Tetapan.

* Sebagai tambahan kepada di atas, ikon dan simbol yang digunakan pada butang kamera dan yang dipaparkan pada monitor LCD juga digunakan dalam manual ini apabila operasi dan fungsi yang berkaitan dibincangkan.

(hlm.**): Nombor halaman rujukan untuk maklumat lanjut.

-  : Amaran untuk mengelakkan masalah yang mungkin berlaku ketika operasi.
-  : Maklumat tambahan.

Andaian Asas


- Semua operasi yang diterangkan dalam manual ini mengandaikan suis kuasa ditetapkan kepada <ON>.
 - Diandaikan bahawa semua tetapan menu, Fungsi Tersuai, dll ditetapkan kepada lalai.
- Pemindahan imej, penangkapan kawalan jauh atau melihat imej memerlukan pengetahuan tentang mengkonfigurasi LAN berwayar dan pelayan FTP anda. Canon tidak boleh membekalkan sokongan untuk mengkonfigurasi LAN berwayar atau pelayan FTP.
 - Ambil perhatian bahawa Canon tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan pada kamera akibat tetapan rangkaian atau pelayan FTP yang salah. Tambahan lagi, Canon tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan penggunaan kamera ini.
 - Apabila menggunakan fungsi LAN berwayar, wujudkan keselamatan yang sewajarnya atas risiko dan budi bicara anda sendiri. Canon tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh akses tanpa izin atau pelanggaran keselamatan yang lain.

1

Tetapan Rangkaian Asas

Lengkapkan tetapan rangkaian asas dengan menggunakan skrin menu pada monitor LCD kamera.

Sambungan Kabel LAN



Menyambungkan Kabel LAN


- Buka penutup terminal Ethernet RJ-45, kemudian sambungkan kamera ke komputer, titik akses dll dengan kabel LAN.

Kabel LAN

Gunakan kabel Gigabit Ethernet Kategori 5e yang sangat dilindungi atau STP (Pasangan Simpul Dilindungi) yang lebih tinggi.

Jenis Sambungan

Jenis sambungan yang ditunjukkan di bawah tersedia untuk menyambungkan kamera ke komputer, telefon pintar dll melalui LAN.



Persediaan

Arahan sambungan membantu anda menyambungkan kamera ke rangkaian yang telah disediakan.

Sambungkan peranti seperti komputer atau telefon pintar ke rangkaian terlebih dahulu supaya anda boleh menyambungkannya ke kamera.

- **[FTP trans. (Pemindahan FTP)]**

Anda boleh memindah imej yang ditangkap ke pelayan FTP.

Imej boleh dipindah secara automatik pada masa anda menangkap atau anda boleh memilih imej untuk dipindah kemudian.

Sistem Pengendalian Komputer

Penggunaan **[FTP trans. (Pemindahan FTP)]** memerlukan salah satu sistem pengendalian berikut dipasangkan pada komputer.

Selain itu, komputer mesti disediakan sebagai pelayan FTP terlebih dahulu.

- **Windows 8, Windows 8 Pro, Windows 8.1, Windows 8.1 Pro**
- **Windows 7 (Professional, Enterprise atau Ultimate Edition untuk sistem 32- atau 64-bit)**
- **Windows Vista (Business, Enterprise atau Ultimate Edition untuk sistem 32- atau 64-bit)**

Untuk arahan tentang menyediakan komputer sebagai pelayan FTP, rujuk kepada dokumentasi yang disediakan dengan setiap peranti atau hubungi pengeluar.

Ambil perhatian bahawa sistem pengendalian berikut tidak boleh digunakan kerana kefungsiannya pelayan FTP tidak disediakan.

- **Windows 7 Home Premium**
- **Windows Vista Home Premium atau Home Basic Edition**

- **[EOSUtility]**

Anda boleh melakukan penangkapan jauh melalui LAN berwayar menggunakan EOS Utility (perisian EOS).

Selain penangkapan jauh, hampir semua operasi kamera EOS Utility disokong, kerana pilihan ini menggunakan LAN berwayar dan bukannya kabel antara muka.

Memerlukan komputer dengan EOS Utility (perisian EOS) dipasang.

- **[WFTserver (PelayanWFT)]**

Anda boleh melakukan penangkapan jauh lanjut atau melihat imej yang disimpan dalam kamera dengan menyambung ke kamera dari pelayar web pada komputer, telefon pintar atau peranti lain, mudah seperti mengakses laman Web.

Pelayar

Sistem pengendalian dan pelayar web berikut telah disahkan serasi dengan kamera ini. Bergantung pada persekitaran anda, operasi mungkin berbeza.

- Windows 8.1, Windows 7: Google Chrome Versi 44
- Windows 8.1, Windows 7: Internet Explorer 11
- OS X (versi sistem pengendalian 10.10): Safari Versi 8.0
- iOS (versi sistem pengendalian 8.4): Safari
- Android (versi sistem pengendalian 4.4): Google Chrome
- * Operasi pada sistem pengendalian dan pelayar web di atas tidak boleh dijamin untuk semua terminal.
- * Tidak tersedia melainkan pelayar web ditetapkan untuk membenarkan cookies.
- * Tidak tersedia melainkan pelayar web ditetapkan untuk menggunakan JavaScript.
- * Filem tidak boleh dimainkan balik melainkan pelayar web menyokong HTML 5.

- **[Smartphone (Telefon pintar)]**

Anda boleh melakukan penangkapan jauh asas atau melihat imej yang disimpan dalam kamera pada telefon pintar atau tablet. Untuk menggunakan fungsi ini, kamera mesti disambung ke titik akses melalui LAN berwayar.

Selain itu, **aplikasi khusus Camera Connect (percuma) mesti dipasang** pada telefon pintar yang iOS atau Android telah dipasang.

- Camera Connect boleh dimuat turun dari App Store atau Google Play.
- Untuk versi sistem pengendalian yang disokong oleh Camera Connect, rujuk kepada laman muat turun Camera Connect.
- Antara muka dan kefungsian kamera dan Camera Connect tertakluk bertukar kerana kemas kini perisian tegar kamera atau kemas kini aplikasi Camera Connect, iOS, Android, dll. Dalam keadaan ini, ciri-ciri kamera atau Camera Connect mungkin berbeza daripada skrin contoh atau arahan operasi dalam manual ini. Dalam manual ini dan pada monitor LCD kamera, “telefon pintar” merujuk kepada telefon pintar dan tablet.

- **[Sync time between cameras (Selaraskan masa antara kamera)]**


Anda boleh menetapkan masa kamera induk pada kamera hamba, sehingga 10 kamera. Ambil perhatian bahawa walaupun selepas penyegerakan, akan terdapat jidar selisih ± 0.05 saat antara masa kamera induk dan hamba, paling banyak.

Sediakan berbilang kamera yang mempunyai model kamera sama.


Tetapan Fungsi Komunikasi Asas

Mula-mula, konfigurasi tetapan fungsi komunikasi asas.

Menetapkan Fungsi Komunikasi




1 Hidupkan kamera.



2 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Pada kamera, tekan butang <MENU>.
- Di bawah tab [F3], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.



3 Pilih [Enable (Aktif)] dalam [Communication func (Fungsi komunikasi)].


- ▶ [Network settings (Tetapan rangkaian)] kini tersedia.

⚠ Jika [📷1: Multiple exposure (Pendedahan berbilang)] ditetapkan kepada sebarang tetapan selain daripada [Disable (Lumpuhkan)], [F3: Communication settings (Tetapan komunikasi)] tidak boleh dipilih.

Mendaftarkan Nama Samaran


Tetapkan nama samaran (untuk pengenalan) untuk kamera.

Apabila kamera disambungkan ke peranti lain melalui LAN, nama samaran akan dipaparkan pada peranti.




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [43], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].

- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].




3 Pilih [Nickname (Nama samaran)].



4 Masukkan nama samaran.

- Untuk arahan tentang memasukkan aksara, lihat halaman seterusnya.
- Masukkan apa-apa aksara dengan panjang antara 1 hingga 10 aksara.




5 Keluar dari tetapan.

- Apabila anda telah selesai, tekan butang <MENU>.
- Pilih [OK] pada dialog pengesahan dan tekan <SET> untuk kembali ke skrin menu.


Tetapan asas untuk fungsi komunikasi kini selesai.

Untuk maklumat tentang menyegerakkan masa kamera, lihat penerangan bermula pada halaman 67. Untuk maklumat tentang fungsi lain, lihat penerangan bermula pada halaman 16.

 Memandangkan nama samaran adalah maklumat wajib untuk sambungan LAN, anda tidak boleh memadamkan semua aksara.

 Dengan lalai, nama kamera akan dipaparkan untuk nama samaran.

Operasi Papan Kekunci Maya




- **Menukar kawasan pemasangan**
Tekan butang <[Q]> untuk menukar antara kawasan pemasangan atas dan bawah.
- **Menggerakkan kursor**
Gunakan <[D]> atau <[R]> dalam kawasan atas untuk menggerakkan kursor.
- **Memasukkan teks**
Dalam kawasan bawah, gunakan <[D]> atau <[R]> untuk memilih aksara, kemudian tekan <[SET]> untuk memasukkannya. Anda boleh memeriksa bilangan aksara yang anda masukkan dan bilangan yang masih boleh dimasukkan, dengan merujuk kepada [*/*] di bahagian atas sebelah kanan skrin.
- **Memadamkan aksara**
Tekan butang <[C]> untuk memadamkan satu aksara.
- **Menamatkan pemasangan teks**
Tekan butang <MENU> untuk mengesahkan apa yang anda masukkan dan keluar. Jika dialog pengesahan dipaparkan, pilih [OK] untuk keluar.
- **Membatalkan pemasangan teks**
Tekan butang <INFO.> untuk membatalkan pemasangan teks dan keluar. Jika dialog pengesahan dipaparkan, pilih [OK] untuk keluar.

Memaparkan Tuntunan Sambungan


Bahagian ini menerangkan proses mengikuti arahan sambungan. Jika ralat dipaparkan, lihat “Panduan Penyelesaian Masalah” dalam Bab 9 (hlm.87) dan periksa tetapan.

- Menekan butang pengatup atau kawalan kamera lain semasa konfigurasi menggunakan arahan sambungan akan menutupkan arahan sambungan. Jangan menekan butang pengatup atau kawalan lain sehingga konfigurasi selesai.
- Di bawah tab [**42**], tetapkan **[Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)]** kepada **[Disable (Lumpuhkan)]**. Jika kuasa terpadam secara auto diaktifkan, arahan sambungan akan ditutup semasa proses konfigurasi.




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [**43**], pilih **[Communication settings (Tetapan komunikasi)]**, kemudian tekan **<SET>**.




2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].


- Tetapkan **[Communication func (Fungsi komunikasi)]** kepada **[Enable (Aktif)]**, kemudian pilih **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**.



3 Pilih [Connection settings (Tetapan sambungan)].




4 Pilih [SET*].




5 Pilih [Connection wizard (Tuntunan sambungan)].

- Skrin [Select communication method (Pilih kaedah komunikasi)] dipaparkan.
- ▶ Lampu <LAN> pada kamera akan berkelip hijau.




6 Pilih kaedah komunikasi.

- Pilih kaedah komunikasi dengan merujuk kepada halaman 9.
- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.





7 Pilih [Wired (Berwayar)].

- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.



8 Pilih [Auto setting (Tetapan auto)].


- Pilih [OK] dan tekan <  > untuk memaparkan skrin tetapan untuk kaedah komunikasi (hlm.19).
- Jika [Auto setting (Tetapan auto)] mengakibatkan ralat atau jika anda ingin menentukan tetapan secara manual, lihat halaman 106.

 Alamat IP hanya boleh ditetapkan secara automatik dalam persekitaran yang menggunakan pelayan DHCP, titik akses atau penghala dengan kefungsiian pelayan DHCP, dengan itu, alamat IP dan tetapan berkaitan ditetapkan dan dikonfigurasi secara automatik.

Melengkapkan Tetapan untuk Kaedah Komunikasi


Arahan berikut adalah untuk skrin tetapan yang berbeza bergantung pada kaedah komunikasi. Bacalah muka surat yang memperkenalkan kaedah komunikasi yang dipilih.

Pemindahan FTP




Bab 2 (hlm.21)

EOS Utility




Bab 3 (hlm.39)

Pelayan WFT



Bab 4 (hlm.43)

Telefon pintar



Bab 5 (hlm.59)

[illegible]

2

Memindahkan Imej ke Pelayan FTP


Dengan menyambung ke pelayan FTP, anda boleh memindah imej yang disimpan dalam kamera ke komputer.

Dengan pemindahan FTP, anda boleh memindah imej ke pelayan FTP secara automatik pada masa anda menangkap atau memindah satu set tangkapan bersama.

- Arahan dalam bab ini bersambung daripada Bab 1.


Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan Pelayan FTP

Arahan ini bersambung daripada Bab 1.



1 Pilih mod FTP.

- Untuk mewujudkan keselamatan untuk pemindahan FTP menggunakan sijil akar, pilih **[FTPS]**.
- Untuk tetapan sijil akar, lihat halaman 25.
- Pilih **[OK]** dan tekan **<SET>** untuk ke skrin berikutnya.




2 Pilih **[Address setting (Tetapan alamat)]**.

- Papan kekunci maya dipaparkan.



3 Masukkan nama pelayan atau alamat IP pelayan FTP.

- Jika anda menetapkan tetapan alamat IP kepada **[Auto setting (Tetapan auto)]** atau tetapan alamat DNS kepada **[Manual setting (Tetapan manual)]**, skrin di sebelah kiri dipaparkan.
- Untuk arahan mengenai operasi skrin, lihat “Operasi Papan Kekunci Maya” (hlm.15).
- Jika anda menetapkan tetapan alamat DNS kepada **[Disable (Lumpuhkan)]**, skrin di sebelah kiri dipaparkan.
- Putar dail **<DIAL>** untuk menggerakkan kedudukan input dalam kawasan atas dan putar dail **<SET>** untuk memilih nombor. Tekan **<SET>** untuk memasukkan nombor yang dipilih.



4 Tetapkan nombor port.

- Biasanya, [**Port number setting (Tetapan nombor port)**] sepatutnya ialah 00021.
- Pilih [**OK**] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.

5 Tetapkan tetapan mod pasif.


- Pilih [**OK**] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.
- Jika Ralat 41 ("Tidak dapat menyambung ke pelayan FTP") dipaparkan dalam langkah 8, menetapkan [**Passive mode (Mod Pasif)**] kepada [**Enable (Aktif)**] mungkin menyelesaikannya.

6 Tetapkan pelayan proksi.

- Pilih [**OK**] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.


7 Tetapkan kaedah log masuk.

- Pilih [**OK**] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.




8 Pilih folder sasaran.

- Pilih [**Root folder (Folder akar)**] supaya imej disimpan dalam folder akar seperti yang ditentukan dalam tetapan pelayan FTP (hlm.37).
- Pilih [**Select folder (Pilih folder)**] untuk menentukan folder sasaran dalam folder akar. Jika tiada folder tersedia, folder akan dicipta secara automatik.
- Pilih [**OK**] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.
- ▶ Lampu <LAN> pada kamera akan bernyala hijau.



9 Pilih [OK].

- Tekan <SET>. Skrin penyediaan sambungan akan dipaparkan.



10 Pilih [OK].

- Tekan <SET> untuk kembali ke skrin [**Network settings (Tetapan rangkaian)**].

Tetapan sambungan untuk pemindahan FTP kini selesai.


Semasa pemindahan imej, lampu <LAN> pada kamera berkelip hijau.

Mengimport Sijil Akar untuk FTPS

Jika mod FTP ditetapkan kepada **[FTPS]** apabila mengkonfigurasi tetapan sambungan, sijil akar yang sama dengan pelayan FTP mesti diimport ke kamera.


- Hanya sijil akar yang nama failnya adalah “**root.cer**”, “**root.crt**” atau “**root.pem**” boleh diimport ke kamera.
- Hanya satu fail sijil akar boleh diimport ke kamera.

Masukkan kad yang mengandungi fail sijil akar terlebih dahulu.




1 Pilih **[Communication settings (Tetapan komunikasi)]**.

- Di bawah tab **[F3]**, pilih **[Communication settings (Tetapan komunikasi)]**, kemudian tekan **<SET>**.




2 Pilih **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**.


- Tetapkan **[Communication func (Fungsi komunikasi)]** kepada **[Enable (Aktif)]**, kemudian pilih **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**.




3 Pilih **[Function settings (Tetapan fungsi)]**.




4 Pilih **[FTP transfer settings (Tetapan pemindahan FTP)]**.



5 Pilih **[Set root certif (Tetapkan sijil akar)]**.




6 Pilih **[Load root certif from card (Muat sijil akar dari kad)]**.



7 Pilih **[OK]**.

- ▶ Sijil akar diimport.
- Pilih **[OK]** pada dialog pengesahan untuk kembali ke skrin **[Set root certif (Tetapkan sijil akar)]**.

- Pilih **[Delete root certificate (Padam sijil akar)]** pada skrin untuk langkah 6 untuk mematikan sijil akar yang diimport ke kamera. Pilih **[View root certificate details (Lihat butiran sijil akar)]** untuk periksa pengeluaran, subjek, jangka kesahihan dan maklumat lain.


 Anda boleh mengimport sijil daripada kad yang dipilih untuk **[Record/play (Rekod/mainkan)]** atau **[Playback (Main balik)]** di bawah **[F1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)]**.

Menghantar Imej secara Berasingan

Pemindahan Imej Automatik Selepas Setiap Tangkapan


Imej boleh dipindah ke pelayan FTP secara automatik sejurus selepas penangkapan. Anda boleh meneruskan penangkapan imej pegun walaupun semasa imej dipindah.

- Sebelum penangkapan, pastikan untuk memasukkan kad ke dalam kamera. Jika anda menangkap tanpa merekod imej, imej tidak boleh dipindah.
- Ambil perhatian bahawa pemindahan filem automatik semasa rakaman tidak disokong. Pindah filem selepas merakam, seperti yang diterangkan pada halaman 32-36.




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [3], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].


- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].



3 Pilih [Function settings (Tetapan fungsi)].




4 Pilih [FTP transfer settings (Tetapan pemindahan FTP)].



5 Pilih [Automatic transfer (Pemindahan automatik)].

- Pilih [Enable (Aktif)].



6 Ambil gambar.


- Imej yang ditangkap dipindah ke pelayan FTP.



- Semasa penangkapan berterusan, imej dipindah ke pelayan FTP dalam urutan yang ditangkap.
- Imej yang ditangkap juga disimpan pada kad.
- Imej yang gagal dipindah atau disampuk akan dipindah secara automatik apabila sambungan dipulihkan (hlm.31). Imej ini juga boleh dipindah semula dalam kelompok kemudian (hlm.32).


Memindah Imej Semasa

Hanya main balik imej dan tekan <SET> untuk memindahkannya. Anda boleh meneruskan penangkapan imej pegun walaupun semasa imej dipindah.



1 Pilih [Transfer with SET (Pemindahan dengan SET)].

- Pada skrin tetapan pemindahan FTP, pilih [Transfer with SET (Pemindahan dengan SET)].
- Pilih [Enable (Aktif)].




2 Pilih imej.

- Tekan butang <▶> pada kamera.
- Pilih imej untuk dipindah, kemudian tekan <SET> untuk memindahkan imej.
- **Filem tidak boleh dipindah dengan cara ini. Memilih filem dan menekan <SET> akan memaparkan panel main balik filem.**


Memilih Imej dengan Saiz atau Jenis Tertentu untuk Dipindah

Anda boleh memilih imej yang akan dipindah apabila merekod imej dengan saiz berbeza ke kad CF dan kad CFast secara serentak, atau apabila menangkap dalam kualiti imej RAW+JPEG.




Pilih [**Transfer type/size (Jenis/saiz pemindahan)**] dalam langkah 5 pada halaman 28 untuk memilih saiz atau jenis imej yang akan dipindah.



1 Pilih [**Transfer type/size (Jenis/saiz pemindahan)**].




2 Pilih saiz dan jenis imej untuk dipindah.



- Untuk memindah JPEG yang lebih kecil apabila kamera ditetapkan untuk merekod JPEG yang lebih besar sama ada ke kad CF atau kad CFast dan JPEG yang lebih kecil ke kad yang lain, tetapkan [**JPEG size to trans. (Saiz JPEG untuk pemindahan)**] kepada [**SmallerJPEG (JPEG yang lebih kecil)**].
- Apabila kamera ditetapkan untuk merekod imej RAW sama ada ke kad CF atau kad CFast dan JPEG ke kad yang lain, tentukan imej yang mana akan dipindah dalam tetapan [**RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)**]. Begitu juga, lengkapkan tetapan yang sama apabila imej RAW+JPEG direkod secara serentak ke kad tunggal.
- Apabila imej bersaiz sama direkod ke kedua-dua kad CF dan kad CFast secara serentak, imej yang direkod ke kad yang dipilih untuk [**Record/play (Rekod/mainkan)**] atau [**Playback (Main balik)**] dalam [**Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)**] di bawah tab [**1**] dipindah.

Cuba Semula Auto jika Pemindahan Gagal



Jika pemindahan gagal, lampu <LAN> pada kamera berkelip merah. Dalam keadaan ini, tekan butang <MENU>, pilih [**Communication settings (Tetapan komunikasi)**] di bawah tab [**3**] dan tekan <SET>. Apabila skrin yang ditunjukkan di sebelah kiri dipaparkan, periksa nombor kod ralat dan lihat halaman 88 untuk singkirkan punca ralat.

Sebaik sahaja punca ralat disingkirkan, imej sebelum yang gagal dipindah akan dipindah semula secara automatik. Dengan pilihan ini diaktifkan, pemindahan akan cuba lagi secara automatik selepas kegagalan, sama ada pemindahan automatik digunakan atau imej yang ditangkap dipindahkan melalui FTP. Ambil perhatian bahawa apabila anda membatalkan pemindahan imej atau mematikan kamera, imej tidak akan dipindah semula secara automatik. Lihat halaman 32 dan pindah imej.



Dengan menetapkan fungsi jimat kuasa pada skrin [**Function settings (Tetapan fungsi)**] (hlm.84), anda boleh log keluar kamera dari pelayan FTP selepas pemindahan dan memutuskan sambungan LAN.


Pemindahan Kelompok

Selepas penangkapan, anda boleh memilih berbilang imej yang diinginkan dan memindahkan mereka sekali gus. Anda juga boleh memindah imej yang tidak dihantar atau imej yang tidak dapat dihantar pada masa lalu. Selain itu, anda boleh menambah tajuk sebelum memindah imej. Anda boleh meneruskan penangkapan imej pegun walaupun semasa imej dipindah.

- Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[REDACTED]>, imej tidak boleh dipindah. Tetapkannya kepada <[REDACTED]>.


Memilih Imej yang akan Dipindah

- Sel.Image (Pilih Imej)




1 Pilih [Image transfer (Pemindahan imej)].

- Di bawah tab [▶ 2], pilih [Image transfer (Pemindahan imej)], kemudian tekan <[REDACTED]>.



2 Pilih [Image sel./transfer (Pemilihan/pemindahan imej)].




3 Pilih [Sel.Image (Pilih Imej)].



4 Pilih imej untuk dipindah.

- Putar dail <⌚> untuk memilih imej untuk dipindah, kemudian tekan <SET>.
- Putar dail <⌚> untuk memaparkan [✓] di sebelah kiri bahagian atas skrin, kemudian tekan <SET>.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej dari paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dail <⌚> mengikut arah jam.
- Untuk memilih imej lain untuk dipindah, ulangi langkah 4.



5 Pindahkan imej.

- Pilih [**FTP transfer (Pemindahan FTP)**], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [**OK**] pada dialog pengesahan untuk memindahkan imej.
- Imej yang dipilih dengan [**Sel. [Folder Icon]** (**Pilih [Folder Icon]**)] dan [**All image (Semua imej)**] juga boleh dipindahkan dengan cara ini.



Jika anda menetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <[Movie Icon]> semasa pemindahan imej yang ditangkap, pemindahan imej akan dibatal buat sementara. Tetapkannya kepada <[Still Icon]> untuk meneruskan pemindahan imej.



- Anda juga boleh memindahkan filem yang dirakam. Walau bagaimanapun, apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[Movie Icon]>, imej tidak boleh dipindah. Tetapkannya kepada <[Still Icon]> dan pindah imej.
- Sehingga 9,999 imej boleh dipilih dalam satu kelompok.
- Apabila [**Sel.Image (Pilih Imej)**] dipilih, anda boleh menyemak sejarah pemindahan imej pada sebelah kiri bahagian atas skrin: Tiada tanda: Tidak dipilih. ✓: Dipilih untuk pemindahan. ✕: Pemindahan gagal. ○: Pemindahan berjaya.
- Prosedur untuk [**RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)**] (hlm.35) dan langkah 1 hingga 4 di atas juga boleh dilakukan walaupun semasa kamera tidak disambungkan ke pelayan FTP.

● Sel. [Folder] (Pilih [Folder])




Pilih [**Sel. [Folder] (Pilih [Folder])**] dan pilih [**Folder images not transfer'd (Imej folder yang belum dipindah)**]. Apabila anda memilih folder, semua imej dalam folder tersebut yang belum lagi dipindah ke pelayan FTP akan dipilih.

Memilih [**Folder images failed transf. (Imej folder yang gagal dipindah)**] akan memilih imej yang gagal dipindah dalam folder tersebut.

Memilih [**Clear folder transf. history (Hapuskan sejarah pemindahan folder)**] akan menghapuskan sejarah pemindahan folder bagi imej yang terdapat dalam folder tersebut. Selepas menghapuskan sejarah pemindahan, anda boleh memilih [**Folder images not transfer'd (Imej folder yang belum dipindah)**] dan memindah semua imej dalam folder tersebut sekali lagi.


● All images (Semua imej)



Jika [**All image (Semua imej)**] dipilih dan anda memilih [**Card images not transferred (Imej kad yang belum dipindah)**], semua imej pada kad tersebut yang belum lagi dipindah ke pelayan FTP akan dipilih.

Untuk penerangan tentang [**Card images failed transfer (Imej kad yang gagal dipindah)**] dan [**Clear card's transf. history (Hapuskan sejarah pemindahan kad)**], lihat "**Sel. [Folder] (Pilih [Folder])**" di atas.

Memindahkan Imej RAW+JPEG



Untuk imej RAW+JPEG, anda boleh menentukan imej yang ingin dipindah. Dalam langkah 2 pada halaman 32, pilih **[RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)]** dan pilih imej untuk dipindah: **[JPEG only (JPEG sahaja)]**, **[RAW only (RAW sahaja)]** atau **[RAW+JPEG]**.

- Tetapan **[RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)]** bertukar selari dengan tetapan **[RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)]** di bawah [43: **Communication settings (Tetapan komunikasi)**] → **[Network settings (Tetapan rangkaian)]** → **[Function settings (Tetapan fungsi)]** → **[FTP transfer settings (Tetapan pemindahan FTP)]** → **[Transfer type/size (Jenis/saiz pemindahan)]** (hlm.30).


Operasi Menu Semasa Pemindahan Imej

Anda boleh menggunakan menu walaupun semasa pemindahan imej. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan masalah pemindahan, sesetengah item menu tidak tersedia semasa pemindahan, termasuk **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**, **[Protect images (Lindungi imej)]**, **[Erase images (Padam imej)]**, **[Format card (Format kad)]** dan **[Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)]**.

Menambah Tajuk Sebelum Pemindahan


Apabila anda memilih [**Transfer with caption (Pemindahan dengan tajuk)**] dalam langkah 2 pada halaman 32, anda boleh menambah tajuk yang didaftarkan kepada setiap imej sebelum pemindahan. Ini memudahkan jika anda ingin memaklumkan penerima tentang kuantiti pencetakan, sebagai contoh. Tajuk juga ditambah ke imej yang disimpan dalam kamera.

- Anda boleh memeriksa tajuk yang ditambah ke imej dengan menyemak maklumat Exif dalam komen pengguna.
- **Untuk arahan tentang mencipta dan mendaftar tajuk, lihat halaman 104.**




1 Pilih [**Transfer with caption (Pemindahan dengan tajuk)**].

- Pilih [**Transfer with caption (Pemindahan dengan tajuk)**] pada skrin untuk langkah 2 pada halaman 32, kemudian tekan <SET>.
- Imej terakhir yang dimainkan balik dipaparkan.



2 Tetapkan tajuk.

- Pilih [**Caption (Tajuk)**], kemudian tekan <SET>.
- Putar dial <⌚> untuk memilih kandungan dengan tajuk, kemudian tekan <SET>.



3 Pilih [**Transfer (Pemindahan)**].

- Imej dipindah dengan tajuk. Apabila pemindahan tamat, skrin [**Image transfer (Pemindahan imej)**] akan muncul semula.

! Pilih imej pada skrin [**Transfer with caption (Pemindahan dengan tajuk)**] secara manual tidak boleh dilakukan. Untuk memilih imej lain dipindah dengan tajuk, main balik imej sebelum mengikuti langkah-langkah berikut.

Melihat Imej yang Telah Dipindah

Imej yang telah dipindah ke pelayan FTP disimpan dalam folder berikut seperti yang ditentukan dalam tetapan pelayan FTP.

Folder Sasaran untuk Pelayan FTP

- Di bawah tetapan lalai pelayan FTP, imej disimpan dalam **[C drive]** → folder **[lnetpub]** → folder **[ftproot]**, atau dalam subfolder folder ini.
- Jika folder akar destinasi pemindahan telah ditukar dalam tetapan pelayan FTP, tanya pentadbir pelayan FTP tempat imej dipindah ke.

Folder untuk Penyimpanan Imej

Di bawah tetapan lalai, imej yang telah dipindah akan disimpan dalam folder akar yang ditentukan dalam tetapan pelayan FTP, dalam struktur folder seperti “A/DCIM/100EOS1D” yang dicipta secara automatik. Walau bagaimanapun, apabila kad CF dipilih untuk merekod dan bermain balik, struktur folder seperti “A/DCIM/100EOS1D” akan dicipta secara automatik; apabila kad CFast telah dipilih, struktur folder akan menjadi “B/DCIM/100EOS1D”. (Imej akan disimpan secara berasingan, dengan imej kad CF dalam folder A dan imej CFast dalam folder B.)

[illegible]

3

Mengendali secara Jauh Menggunakan EOS Utility

Menggunakan EOS Utility, anda boleh melihat imej yang disimpan dalam kamera atau menyimpan imej ke komputer. Selain itu, anda boleh mengendalikan kamera untuk mengambil gambar atau menukar tetapan kamera secara jauh menggunakan EOS Utility.

Hampir semua operasi kamera EOS Utility disokong, kerana pilihan ini menggunakan LAN berwayar dan bukannya kabel antara muka.


- Arahan dalam bab ini bersambung daripada Bab 1.
- Pasangkan EOS Utility pada komputer sebelum menyediakan sambungan (hlm.10).

Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan EOS Utility

Arahan ini bersambung daripada Bab 1.


- Untuk mewujudkan sambungan, operasi pada komputer diperlukan. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan komputer.
- Prosedur konfigurasi adalah seperti berikut, menggunakan Windows 8.1 sebagai contoh.

Operasi pada Kamera-1




1 Pilih [OK].

- Pilih [OK] dan tekan <SET>. Mesej berikut dipaparkan. "*****" mewakili enam digit terakhir alamat MAC kamera.




Operasi pada Komputer



2 Mulakan EOS Utility pada komputer.

3 Dalam EOS Utility, klik [Pairing over Wi-Fi/LAN].


- Jika mesej berkaitan tembok api dipaparkan, pilih [Yes].



4 Klik [Connect] pada komputer.


- Pilih kamera untuk disambungkan, kemudian klik **[Connect]**.
- Jika beberapa kamera dipaparkan, kenal pasti kamera untuk disambungkan melalui alamat MAC yang dipaparkan pada monitor LCD kamera.
- Alamat MAC juga boleh diperiksa pada skrin **[Function settings (Tetapan fungsi)]** (hlm.84).

Operasi pada Kamera-2



5 Pilih [OK].

- Apabila kamera telah mengesan komputer yang telah anda klik **[Connect]** pada langkah 4, skrin di sebelah kiri dipaparkan.
- Pilih **[OK]** dan tekan **<SET>**. Skrin penyediaan sambungan akan dipaparkan.



6 Pilih [OK].


- Tekan **<SET>** untuk kembali ke skrin **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**.
- ▶ Lampu **<LAN>** pada kamera akan bernyala hijau.

Tetapan untuk menyambung ke EOS Utility kini selesai.

- Berpasangan tidak perlu dilakukan semula jika anda akan terus menggunakan kamera dan komputer yang sama selepas berpasangan tanpa menukar tetapannya.

Menggunakan EOS Utility

Untuk arahan EOS Utility, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility. Selain daripada penangkapan jauh, terdapat pelbagai operasi kamera disediakan.



- Pergerakan subjek bergerak mungkin tidak dipaparkan dengan lancar bergantung pada kelajuan penghantaran imej LAN berwayar.
- Apabila disambungkan, [**Multiple exposure (Pendedahan berbilang)**], [**RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)**], [**Cropping (Pemotongan)**] atau [**Resize (Tukar saiz)**] tidak boleh dipilih.

4

Mengendalikan secara Jauh Menggunakan Pelayan WFT


Dengan menggunakan pelayar web, anda boleh melihat imej yang disimpan dalam kamera atau menyimpan imej ke komputer, telefon pintar, dll. Selain itu, anda boleh mengendalikan kamera secara jauh untuk mengambil gambar atau menukar tetapan kamera menggunakan pelayar web.

- Arahan dalam bab ini bersambung daripada Bab 1.

Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan Pelayan WFT


Arahan ini bersambung daripada Bab 1.

Masukkan nama log masuk dan kata laluan untuk menyambung ke kamera dari komputer. Nama log masuk dan kata laluan yang anda tentukan di sini digunakan apabila menyambung ke kamera.




1 Pilih [User * (Pengguna *)].

- Dengan Pelayan WFT, anda boleh menyambungkan sehingga tiga peranti ke kamera. Pilih nombor pengguna untuk mengelakkan konflik apabila pengguna peranti lain disambungkan secara serentak.




2 Pilih [Login name (Nama Log Masuk)] atau [Password (Kata laluan)].

- Papan kekunci maya dipaparkan. Lihat halaman 15 untuk memasukkan nama log masuk dan kata laluan.




3 Pilih [OK].

- Selepas menentukan nama log masuk dan kata laluan, pilih [OK] dan tekan <SET>.
- Skrin untuk langkah 1 akan muncul semula.
- Untuk menambah pengguna, ulangi langkah 1 hingga 3.



4 Pilih [OK].

- Pilih [OK] dan tekan <SET>. Skrin penyiapan sambungan akan dipaparkan.



5 Pilih [OK].

- Tekan <SET> untuk kembali ke skrin [Network settings (Tetapan rangkaian)].

Tetapan untuk menyambung ke Pelayan WFT kini selesai.



Anda boleh menukar tetapan akaun WFT pada skrin [Function settings (Tetapan fungsi)] (hlm.84). Tetapan nombor port juga boleh ditukar pada skrin [Function settings (Tetapan fungsi)]. Ambil perhatian bahawa biasanya nombor port (80) tidak perlu ditukar.


Memaparkan Pelayan WFT

Dalam pelayar web, paparkan Pelayan WFT, skrin untuk operasi kamera. Sambungkan kamera ke komputer, telefon pintar, dll melalui LAN terlebih dahulu.


Untuk mengakses kamera dari telefon pintar, titik akses mesti digunakan (hlm.8).

Memeriksa Alamat IP Kamera


Untuk mengakses kamera dari pelayar web, alamat IP kamera yang dipaparkan dalam langkah 6 mesti dimasukkan dalam medan alamat pelayar web.




- 1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].**
- Di bawah tab [🔧3], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.




- 2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].**
- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].



- 3 Pilih [Connection settings (Tetapan sambungan)].**




- 4 Pilih [SET* WFTserver (SET* Pelayan WFT)].**



5 Pilih [Confirm settings (Sahkan tetapan)].

- Tetapan dipaparkan.



6 Periksa tetapan.

- Putar dail <⌂> untuk memaparkan skrin lain.
- Catatkan alamat IP.
- Selepas memeriksanya, tekan butang <MENU> untuk keluar dari dialog pengesahan.

Log masuk ke Pelayan WFT

7 Mulakan pelayar web.

- Mulakan pelayar web pada komputer, telefon pintar dll.



8 Masukkan URL.

- Dalam medan alamat, masukkan alamat IP yang anda catatkan dalam langkah 6.
- Tekan kekunci <Enter>.



9 Masukkan [Login name] dan [Password].

- Masukkan [**Login name**] (nama pengguna) dan [**Password**] yang ditentukan pada halaman 44.
- Tekan [**OK**] untuk memaparkan skrin Pelayan WFT.

10 Pilih bahasa.


- Pilih bahasa pada bahagian bawah skrin.



- Pelayan WFT tidak boleh digunakan melainkan pelayar web menyokong JavaScript.
- Apabila disambungkan, [**Multiple exposure (Pendedahan berbilang)**], [**RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)**], [**Cropping (Pemotongan)**] atau [**Resize (Tukar saiz)**] tidak boleh dipilih.

Melihat Imej

Anda boleh menyemak lalu imej pada kad kamera seperti berikut.



1 Tekan [▶] **Viewer**].

- ▶ Skrin melihat imej dipaparkan.




2 Pilih kad dan folder.

- Tekan tab [CF] atau [CFast] untuk memilih kad.
- Tekan nama folder di sebelah kanan tab yang dipilih untuk memilih folder daripada senarai tarik bawah.







3 Pilih imej.

- Untuk melihat imej lain, tukar skrin dengan [◀ ▶] atau [◀ ▶] pada bahagian bawah skrin.
- Anda boleh menentukan bilangan lakaran kenit yang ditunjukkan bagi setiap skrin daripada senarai tarik bawah pada sebelah kanan bahagian atas skrin.
- Apabila anda menambahkan [✓] kepada kotak semak di tepi [S], skrin akan segar semula secara berkala.
- Untuk filem, [MOV] atau [MP4] dipaparkan di tepi nama fail.




4 Muat turun imej.

- Apabila anda memilih satu lakaran kenit, imej dipaparkan pada saiz yang lebih besar.
- Tekan [] untuk memuat turun imej.
- Tekan [] atau [] untuk memaparkan imej sebelum atau seterusnya.
- Tekan [] untuk kembali ke skrin melihat imej.

Skrin main balik foto pegun




Skrin main balik filem



⚠ Ambil perhatian bahawa disebabkan prestasi komputer dan telefon pintar, atau pelayar yang digunakan, yang berikut mungkin berlaku: Imej tidak dapat dipaparkan, imej dipaparkan secara perlahan atau imej tidak dapat dimuat turun ke peranti ini.


Menangkap secara Jauh [Camera control]

Anda boleh menggunakan Pelayan WFT untuk menangkap secara jauh.



1 Tekan [📷 Camera control].

► Skrin menangkap lanjut dipaparkan.




- | | |
|----------------------------------|---|
| (1) Periksa bateri | (14) Siap-denyar |
| (2) Mod pemacu | (15) Butang penangkapan Pandangan Langsung foto pegun |
| (3) Mod AF | (16) Butang rakaman filem |
| (4) Tangkapan yang boleh diambil | (17) Mod penangkapan |
| (5) Butang penukaran AF/MF | (18) Pampasan pendedahan |
| (6) Butang pengatup | (19) White balance |
| (7) Butang AF | (20) Butang fokus manual |
| (8) Apertur | (21) Butang pengurangan |
| (9) Kelajuan pengatup | (22) Butang pembesaran |
| (10) Mod pemeteran | (23) Butang penukaran saiz imej Pandangan Langsung |
| (11) Kelajuan ISO | (24) Kaedah AF |
| (12) Kualiti rakaman imej | |
| (13) Menu | |

2 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <AF>.

- Apabila anda menekan dan melepaskan Butang pengatup (6), kamera akan autofokus dan ambil gambar.

- Mod pemacu (2) memaparkan mod pemacu yang ditetapkan pada kamera. Ambil perhatian bahawa walaupun mod pemacu kamera ditetapkan kepada penangkapan berterusan, penangkapan tunggal akan dikenakan untuk penangkapan jauh.
- Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kamera ditetapkan kepada <[ikon kamera]>, penangkapan foto pegun tidak dapat dilakukan.
- Penangkapan anti kelip akan ditetapkan kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** secara automatik.
- Jika Kunci cermin ditetapkan kepada sebarang tetapan selain **[Disable (Lumpuhkan)]**, penangkapan tidak dapat dilakukan. Tetapkannya kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** dalam Menu (13).

 Dengan AF Tangkapan Tunggal, gambar tidak diambil jika fokus tidak dicapai. Paparkan imej Pandangan Langsung dan fokus secara manual.

Memaparkan Imej Pandangan Langsung untuk Penangkapan




1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan Butang penangkapan Pandangan Langsung foto pegun (15).



2 Laraskan fokus. Gunakan autofocus

- Tekan [ON] pada Butang AF (7) untuk autofocus.



Memfokus secara manual

- Tekan butang < <<< >, < << >, < < >, < > >, < >> > dan < >>> > untuk melaraskan fokus. Untuk fokus dengan lebih dekat, tekan < <<< >, < << > atau < < >. Untuk fokus dengan lebih jauh, tekan < > >, < >> > atau < >>> >.
- Tiga aras pelarasan fokus tersedia.
 < <<< > < >>> >: Kenaikan paling besar
 < << > < >> >: Kenaikan sederhana
 < < > < > >: Kenaikan paling kecil



- Jika imej Pandangan Langsung tidak dipaparkan, aktifkan penangkapan Pandangan Langsung dalam Menu (13).
- Untuk menjadikan paparan imej Pandangan Langsung lebih responsif, tekan Butang penukaran saiz imej Pandangan Langsung (23). Imej Pandangan Langsung akan dipaparkan pada saiz yang lebih kecil, meningkatkan tahap responsif. Untuk mengembalikan saiz asal, tekan butang sekali lagi.



3 Konfigurasi tetap penangkapan.

- Pilih item tetapan (seperti kualiti rakaman imej) untuk melihat butiran tetapan yang anda boleh konfigurasi.
- Lengkapkan tetapan mengikut keperluan.



4 Ambil gambar.

- Tekan Butang pengatup (6). Apabila anda melepaskan butang, gambar akan diambil.
- ▶ Imej yang ditangkap dipaparkan.
- Imej yang ditangkap disimpan pada kad kamera.
- Untuk memuat turun imej, lihat “Melihat Imej” (hlm.49).

⚠ Imej Pandangan Langsung mungkin beku apabila menangkap jika kamera diakses oleh berbilang peranti.

Merakam Filem




Tekan Butang rakaman filem (16) untuk memaparkan skrin rakaman filem.

- Prosedur tetapan adalah sama seperti penangkapan foto pegun.
- Tekan Butang pengatup (6). Apabila anda melepaskan butang tersebut, rakaman filem akan bermula.
- ▶ Semasa rakaman filem, [●] merah pada Butang pengatup (6) bertukar kepada [□] putih.
- Tekan Butang pengatup (6) sekali lagi. Apabila anda melepaskan butang tersebut, rakaman filem akan berhenti.


Menangkap secara Jauh [Simple control]

Walaupun tetapan fungsi terperinci tidak tersedia pada skrin penangkapan asas, menangkap secara jauh menggunakan telefon pintar atau peranti skrin kecil lain adalah mudah kerana reka bentuk skrin operasi yang padat.



1 Tekan [Simple control].

- Skrin penangkapan asas dan imej Pandangan Langsung dipaparkan.



Skrin imej Pandangan Langsung

Butang pembesaran/pengurangan

Butang fokus manual

< << > >> > < > < > >> >: Fokus dengan lebih dekat

< > > < > >> >: Fokus dengan lebih jauh

Aras pelarasan fokus

< << > < >> >: Kenaikan paling besar


< << > < >> >: Kenaikan sederhana

< < > < > >: Kenaikan paling kecil

Butang pengatup

Butang AF

Butang penukaran penangkapan foto pegun/rakaman filem



2 Laraskan fokus.


- Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <AF>.

Gunakan autofocus

- Tekan [ON] pada butang AF untuk autofocus.

Memfokus secara manual


- Tekan butang < <<< >, < << >, < < >, < > >, < >> > dan < >>> > untuk melaraskan fokus.



3 Ambil gambar.

- Tekan Butang pengatup. Apabila anda melepaskan butang, gambar akan diambil.
- ▶ Imej yang ditangkap dipaparkan.
- Imej yang ditangkap disimpan pada kad kamera.
- Untuk memuat turun imej, lihat "Melihat Imej" (hlm.49).

Merakam Filem



Tekan butang [📷] atau [🎥] untuk menukar antara skrin penangkapan foto pegun dan skrin rakaman filem.

- Prosedur tetapan adalah sama seperti penangkapan foto pegun.
- Tekan Butang pengatup. Apabila anda melepaskan butang tersebut, rakaman filem akan bermula.
- ▶ Semasa rakaman filem, [●] merah pada Butang pengatup bertukar kepada [□] putih.
- Tekan Butang pengatup sekali lagi. Apabila anda melepaskan butang tersebut, rakaman filem akan berhenti.

[illegible]

5

Mengendalikan secara Jauh Menggunakan Telefon Pintar

Menggunakan telefon pintar, anda boleh melihat imej yang disimpan dalam kamera atau menyimpan imej ke telefon pintar. Selain itu, anda boleh mengendalikan kamera untuk mengambil gambar atau menukar tetapan kamera secara jauh menggunakan telefon pintar.

- Arahan dalam bab ini bersambung daripada Bab 1.
- Pasangkan Camera Connect pada telefon pintar sebelum menyediakan sambungan (hlm.11).

Mengkonfigurasi Tetapan Sambungan Telefon Pintar

Arahan ini bersambung daripada Bab 1.


- Untuk mewujudkan sambungan, operasi pada telefon pintar diperlukan. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan telefon pintar.

Operasi pada Telefon Pintar




1 Mulakan Camera Connect pada telefon pintar.

- Apabila skrin [**Waiting to connect (Tunggu untuk menyambung)**] dipaparkan pada monitor LCD kamera, mulakan Camera Connect pada telefon pintar.




2 Pilih kamera untuk disambungkan menggunakan telefon pintar.

- Pilih dan ketik kamera untuk menyambung dari [**Cameras**] pada Camera Connect.
- Jika beberapa kamera dipaparkan, kenal pasti kamera untuk disambungkan melalui alamat MAC yang dipaparkan pada monitor LCD kamera.

 Alamat MAC kamera juga boleh diperiksa pada skrin [**Function settings (Tetapan fungsi)**] (hlm.84).


Operasi pada Kamera



Nama peranti ditetapkan pada Camera Connect

3 Sambung ke kamera.

- Apabila sambungan diwujudkan, skrin di sebelah kiri akan muncul pada monitor LCD kamera.
- Untuk menentukan imej yang boleh dilihat, tekan butang <INFO.>. Lihat langkah 7 pada halaman 65 untuk menentukannya.
- Pilih [OK] dan tekan <SET>. Skrin penyiapan sambungan akan dipaparkan.
 - ▶ Skrin utama Camera Connect akan dipaparkan pada telefon pintar.
 - ▶ Lampu <LAN> pada kamera akan bernyala hijau.



4 Pilih [OK].

- Tekan <SET> untuk kembali ke skrin [Network settings (Tetapan rangkaian)].

Tetapan untuk menyambung ke telefon pintar kini selesai.




- Anda boleh menyemak atau menukar nama peranti pada skrin tetapan Camera Connect.
- Semasa disambung, kuasa kamera terpadam secara auto tidak berfungsi.

Mengendalikan Kamera Menggunakan Telefon Pintar ■

Anda boleh menggunakan telefon pintar yang dipasangkan dengan Camera Connect untuk melihat imej yang disimpan dalam kamera dan menangkap dari jauh.

Tetingkap Utama Camera Connect



Fungsi utama Camera Connect diterangkan di bawah. Sentuh skrin untuk mempelajari prosedur operasi.

[Images on camera]

- Imej yang disimpan dalam kamera boleh dilihat.
- Imej yang disimpan dalam kamera boleh disimpan pada telefon pintar.
- Operasi seperti penghapusan boleh dilakukan pada imej yang disimpan dalam kamera.

[Remote shooting]

- Imej Pandangan Langsung kamera boleh dilihat menggunakan telefon pintar.
- Anda boleh menangkap menggunakan operasi kawalan jauh.

[Camera settings]

- Tetapan kamera boleh ditukar.

⚙️ (Butang tetapan)

- Gunakan butang ini untuk mengakses pelbagai tetapan bagi Camera Connect.




- Apabila sambungan ditamatkan ketika merakam filem dengan penangkapan jauh, kamera bertindak balas seperti berikut:
 - Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[ikon kamera] >, rakaman filem berterus.
 - Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[ikon kamera] >, rakaman filem berhenti.
- Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[ikon kamera] > dan mod filem ditetapkan dengan mengendali Camera Connect, anda tidak boleh menangkap dengan mengendali kamera.
- Apabila disambungkan, **[Multiple exposure (Pendedahan berbilang)]**, **[RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)]**, **[Cropping (Pemotongan)]** atau **[Resize (Tukar saiz)]** tidak boleh dipilih.
- Dalam penangkapan kawalan jauh, kelajuan AF mungkin menjadi perlahan.
- Bergantung pada status sambungan, paparan imej atau pelepasan pengatup mungkin ditangguh.
- Apabila menyimpan imej ke telefon pintar, anda tidak boleh mengambil foto walaupun jika anda menekan butang pengatup kamera. Juga, monitor LCD kamera mungkin mati.
- Walaupun filem berformat MOV dipaparkan dalam senarai, mereka tidak boleh disimpan ke telefon pintar. Ambil perhatian bahawa bergantung pada OS telefon pintar, menyimpan filem berformat MP4 mungkin tidak boleh dilakukan.



- Sambungan akan berhenti jika anda menetapkan kuasa kamera kepada <OFF> atau membuka penutup slot kad.
- Jika anda menghantar imej RAW ke telefon pintar, imej akan disimpan sebagai imej JPEG yang ditukar saiz.
- Semasa disambung, kuasa kamera terpadam secara auto tidak berfungsi.
- Semasa disambung, melumpuhkan fungsi penjimatan kuasa telefon pintar adalah disarankan.


Menentukan Imej yang Boleh Dilihat

Anda boleh menentukan imej yang boleh dilihat daripada telefon pintar dengan mengendalikan kamera. Imej boleh ditentukan semasa persediaan sambungan atau selepas sambungan ditamatkan.




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [👤3], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].


- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].



3 Pilih [Connection settings (Tetapan sambungan)].




4 Pilih [SET* Smartphone (SET* Telefon Pintar)].




5 Pilih [Change (Tukar)].

⚠ Jika [Viewable imgs (Imej yang boleh dilihat)] ditetapkan kepada sebarang tetapan selain [All images (Semua imej)], penangkapan kawalan jauh tidak dapat dilakukan.

🔋 Apabila menyambung semula ke telefon pintar, periksa tetapan imej yang boleh dilihat sebelum mewujudkan sambungan.



6 Pilih [Viewable imgs (Imej yang boleh dilihat)].




7 Pilih item.

- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk memaparkan skrin tetapan.

[All images (Semua imej)]


Semua imej yang disimpan pada kad akan boleh dilihat.

[Images from past days (Imej yang ditangkap pada hari yang lalu)]




Tentukan imej yang boleh dilihat mengikut tarikh penangkapan. Imej yang ditangkap sehingga sembilan hari yang lalu boleh ditentukan.

- Pilih item, kemudian tekan <SET>.
- Apabila [Images shot in past days (Imej yang ditangkap pada hari yang lalu)] dipilih, imej yang ditangkap hingga bilangan hari yang ditentukan sebelum tarikh semasa menjadi boleh dilihat. Apabila <↑> ditunjukkan untuk bilangan hari, putar dial <⌚> untuk menentukan bilangan hari, kemudian tekan <SET> untuk mengesahkan pilihan.
- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk menentukan imej yang boleh dilihat.

[Select by rating (Pilih mengikut penarafan)]

Tentukan imej yang boleh dilihat bergantung pada sama ada penarafan telah ditambah (atau tidak ditambah) atau dengan jenis penarafan.

- Pilih penarafan, kemudian tekan <SET> untuk menentukan imej yang boleh dilihat.

[File number range (Julat nombor fail)] (Pilih julat)

Imej pertama Imej terakhir



Pilih imej pertama dan terakhir daripada imej yang disusun mengikut nombor fail untuk menentukan imej yang boleh dilihat.

- 1 Putar dail <⌚> untuk memilih imej pertama yang akan ditetapkan sebagai boleh dilihat.
- 2 Tekan <SET> untuk memaparkan skrin pemilihan imej.
Pilih imej menggunakan dail <⌚>. Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan indeks.
- 3 Pilih imej dan tekan <SET> untuk menentukan pemilihan.
- 4 Tentukan imej terakhir untuk ditetapkan sebagai boleh dilihat dengan operasi yang sama.
Pilih imej yang ditangkap selepas imej yang telah dipilih sebagai imej pertama.
- 5 Apabila imej pertama dan terakhir ditentukan, pilih [OK], kemudian tekan <SET>.

6

Menyelaraskan Masa Kamera


Anda boleh menetapkan masa kamera induk pada kamera hamba, sehingga 10 kamera. Ambil perhatian bahawa walaupun selepas penyegerakan, akan terdapat jidar selisih ± 0.05 saat antara masa kamera induk dan hamba, paling banyak.



Menyelaraskan Masa


Sambungkan kamera ke satu sama lain secara langsung dengan kabel LAN. Apabila terdapat berbilang kamera hamba, sambungkan kamera ke hub dengan kabel LAN dan menyambungkan hub ke kamera induk dengan kabel LAN.

Pada kamera induk dan kamera hamba, langkah 1 hingga 5 adalah sama.




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [43], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].

- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].



3 Pilih [Sync time between cameras (Selaraskan masa antara kamera)].


- Jika disambungkan ke peranti lain, [Set [Connection settings] to [Disconnect] (Tetapkan [Tetapan sambungan] ke [Putuskan sambungan])] akan muncul. Pilih [OK] untuk menamatkan sambungan.



4 Pilih [OK].


⚠ Menyelaraskan masa kamera antara model kamera yang sama.

Jika model kamera kamera induk dan kamera hamba adalah berbeza, menyelaraskan masa dengan kamera hamba tidak boleh dilakukan.




5 Pilih [Wired (Berwayar)].

- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.




6 Sediakan kamera induk.


- Pilih [**Master (Tuan)**], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.
- ▶ Apabila skrin seterusnya dipaparkan, kamera induk bersedia. Pergi ke langkah 7 untuk menyediakan kamera hamba.



7 Sediakan kamera hamba.


- Selepas mengkonfigurasi tetapan kamera hamba mengikut langkah 1 hingga 5 pada halaman sebelumnya, pilih [**Slave (Hamba)**].
- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.
- ▶ Pilih [OK] pada skrin yang dipaparkan.
- Untuk menetapkan masa pada berbilang kamera hamba, ikuti langkah ini pada semua kamera hamba.
- ▶ Pada monitor LCD kamera induk, bilangan kamera hamba yang dikesan dipaparkan.





8 Pada kamera induk, pilih **[OK]**.

- Periksa bilangan kamera hamba, kemudian pilih **[OK]**.
- ▶ Masa pada kamera hamba diselaraskan dengan masa kamera induk.




- Pilih **[OK]** untuk kembali ke skrin **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**.


7

Menamatkan Sambungan dan Menyambung Semula


Menamatkan Sambungan




- 1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].**
- Di bawah tab [**3**], pilih **[Communication settings (Tetapan komunikasi)]**, kemudian tekan **<SET>**.



- 2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].**
- Tetapkan **[Communication func (Fungsi komunikasi)]** kepada **[Enable (Aktif)]**, kemudian pilih **[Network settings (Tetapan rangkaian)]**.




- 3 Pilih [Connection settings (Tetapan sambungan)].**




- 4 Pilih [Disconnect (Putuskan sambungan)].**
- Sambungan ditamatkan.


Menyambung semula




- 1 Pilih [**Communication settings (Tetapan komunikasi)**].
- Di bawah tab [**3**], pilih [**Communication settings (Tetapan komunikasi)**], kemudian tekan <SET>.




- 2 Pilih [**Network settings (Tetapan rangkaian)**].
- Tetapkan [**Communication func (Fungsi komunikasi)**] kepada [**Enable (Aktif)**], kemudian pilih [**Network settings (Tetapan rangkaian)**].



- 3 Pilih [**Connection settings (Tetapan sambungan)**].



- 4 Pilih [**SET***].
- Pilih tetapan untuk disambungkan daripada tetapan yang disimpan.



- 5 Pilih [**Connect (Sambungkan)**].
- ▶ Sambungan diwujudkan semula.
 - Jika tetapan telah ditukar pada peranti sasaran, konfigurasi tetapan sekali lagi untuk menyambung ke kamera.


[illegible]

8

Memeriksa dan Mengendalikan Tetapan Sambungan


Memaparkan Skrin Tetapan Sambungan

Periksa, tukar atau padamkan tetapan sambungan yang disimpan pada kamera.




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [🔧3], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].

- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].




3 Pilih [Connection settings (Tetapan sambungan)].



4 Pilih tetapan.

- Pilih tetapan untuk diperiksa daripada tetapan yang disimpan.



5 Periksa atau ubah tetapan.

- Pilih item dan tekan < **SET** >, kemudian periksa atau tukar tetapan pada skrin yang dipaparkan.

[Connect (Sambungkan)] (hlm.73)

Pilih ini untuk mewujudkan semula sambungan. Pilih [**OK**] pada dialog pengesahan dan tekan < **SET** > untuk mewujudkan sambungan.

[Connection wizard (Tuntunan sambungan)]

Sediakan sambungan menggunakan tuntunan sambungan. Ikuti prosedur yang dipaparkan untuk melengkapkan tetapan sambungan. Jika tetapan telah disimpan, tetapan akan ditulis ganti.

[Change (Tukar)] (hlm.78)

Tukar tetapan sambungan yang disimpan pada kamera.

[Save/load settings on card (Simpan/muat tetapan pada kad)] (hlm.82, 83)

Simpan tetapan sambungan yang disimpan pada kamera ke kad atau muatkan tetapan sambungan yang disimpan pada kad ke kamera.

[Delete settings (Padam tetapan)]


Padam tetapan sambungan yang disimpan pada kamera. Pilih [**OK**] pada dialog pengesahan untuk memadamkan tetapan.

[Confirm settings (Sahkan tetapan)]

Periksa tetapan sambungan yang disimpan pada kamera. Apabila anda memilih [**Confirm settings (Sahkan tetapan)**], tetapan akan dipaparkan.


Menukar Tetapan

Tetapan yang asalnya dilengkapkan menggunakan tuntunan sambungan boleh ditukar seperti berikut. Anda juga boleh menukar tetapan yang tidak boleh ditetapkan menggunakan tuntunan sambungan, seperti apabila imej mempunyai nama fail yang sama dengan fail sedia ada dihantar ke pelayan FTP.



1 Pilih [Change (Tukar)].

- Pada skrin [Connection settings (Tetapan sambungan)] yang dipaparkan dalam langkah 5 pada halaman 77, pilih [Change (Tukar)].




2 Pilih item untuk ditukar.

- Pilih item dan tekan <SET>. Skrin tetapan akan muncul.

[Settings name (Nama tetapan)]

Anda boleh menamakan tetapan. Pilih [Settings name (Nama tetapan)], kemudian masukkan aksara menggunakan papan kekunci maya (hlm.15).

[TCP/IP]



Konfigurasi tetapan rangkaian seperti tetapan alamat IP dan tetapan keselamatan.

[FTP server (Pelayan FTP)]

FTP server	
Target server	
Login password	
Target folder	
Directory structure	Camera
Overwrite same file	Enable
Passive mode	Disable
Proxy server	

Ini dipaparkan untuk tetapan yang menyambung ke pelayan FTP. Konfigurasi tetapan pelayan FTP.

[Viewable imgs (Imej yang boleh dilihat)] (hlm.64)

Ini dipaparkan untuk tetapan yang menyambung ke telefon pintar. Lihat halaman 64 untuk menentukannya.

Keselamatan IP (IPsec)

Dikonfigurasi dalam **[TCP/IP] → [Security (Keselamatan)]**. IPsec adalah standard untuk komunikasi tersulit melalui Internet. Ia membekalkan keselamatan yang berkesan untuk kedua-dua LAN wayarles dan berwayar. Untuk menggunakan fungsi ini, anda mesti membolehkan IPsec dalam tetapan rangkaian komputer. Apabila IPsec kamera diguna, hanya mod pemindahan disokong dan penyulitan 3DES atau AES serta pengesahan SHA-1 digunakan. Ambil perhatian bahawa alamat IP komputer untuk komunikasi dengan kamera mesti dimasukkan dalam **[Destination address (Alamat destinasi)]** pada skrin tetapan.

Struktur Direktori Folder Sasaran

Dikonfigurasi dalam **[FTP server (Pelayan FTP)]** → **[Directory structure (Struktur direktori)]**.

Memilih **[Camera (Kamera)]** mencipta struktur folder yang sepadan dengan folder kamera (seperti A/DCIM/100EOS1D) secara automatik dalam folder akar pelayan untuk penyimpanan imej. Jika anda mencipta subfolder dalam folder akar dengan menukar tetapan **[Target folder (Folder sasaran)]**, struktur folder seperti "A/DCIM/100EOS1D" dicipta secara automatik dalam folder tersebut untuk penyimpanan imej.

Memilih **[Default (Lalai)]** akan menggunakan folder akar untuk penyimpanan imej. Jika anda telah mencipta subfolder dalam folder akar dengan menukar tetapan **[Target folder (Folder sasaran)]**, imej akan disimpan dalam folder tersebut.

Menulis Ganti Fail yang Sama Nama

Dikonfigurasi dalam **[FTP server (Pelayan FTP)]** → **[Overwrite same file (Tulis ganti fail yang sama)]**.

Apabila [Overwrite same file (Tulis ganti fail yang sama)] ditetapkan kepada [Disable (Lumpuhkan)]

Jika terdapat fail yang sama nama dalam folder sasaran pada pelayan FTP, fail baru akan disimpan dengan sambungan yang mengandungi garis bawah dan nombor, seperti IMG_0003_1.JPG.

Apabila anda menghantar semula imej jika pemindahan awal gagal

Walaupun jika kamera dikonfigurasi untuk menulis ganti fail yang sama nama, jika anda menghantar semula fail imej yang tidak dapat dipindah pada awal, fail sedia ada mungkin tidak ditulis ganti dalam sesetengah keadaan. Jika ini berlaku, fail baru disimpan dengan sambungan mengandungi garis bawah, aksara dan nombor, seperti IMG_0003_a1.JPG.

Mod Pasif


Dikonfigurasi dalam [**FTP server (Pelayan FTP)**] → [**Passive mode (Mod Pasif)**].

Membolehkan tetapan ini dalam persekitaran rangkaian yang dilindungi oleh tembok api. Jika Ralat 41 berlaku ("Cannot connect to FTP server"), menetapkan mod pasif kepada [**Enable (Aktif)**] mungkin mengaktifkan akses ke pelayan FTP.

Menyimpan dan Memuat Tetapan


Tetapan sambungan boleh disimpan pada kad untuk digunakan dengan kamera lain. Selain itu, tetapan sambungan yang dikonfigurasi pada kamera lain boleh dikenakan pada kamera untuk digunakan.

Menyimpan Tetapan




1 Pilih [Save/load settings on card (Simpan/muat tetapan pada kad)].

- Pada skrin [Connection settings (Tetapan sambungan)] yang dipaparkan dalam langkah 5 pada halaman 77, pilih [Save/load settings on card (Simpan/muat tetapan pada kad)].




2 Pilih [Save settings to card (Simpan tetapan ke kad)].




3 Pilih [OK].

- Nama fail ditentukan oleh kamera secara automatik: WFTNPF, diikuti dengan nombor (01 hingga 99) dan sambungan NIF. Anda boleh menamakan semula fail seperti yang diinginkan dengan menekan butang [INFO].
- ▶ Tetapan disimpan sebagai fail pada kad.
- Tetapan disimpan sebagai fail dalam kawasan kad yang ditunjukkan apabila kad dibuka (dalam direktori akar).


 Hanya sepuluh fail tetapan boleh disimpan pada satu kad daripada kamera. Untuk menyimpan lebih daripada sepuluh, gunakan kad lain.

Memuatkan Tetapan




1 Pilih [Save/load settings on card (Simpan/muat tetapan pada kad)].

- Pada skrin [Connection settings (Tetapan sambungan)] yang dipaparkan dalam langkah 5 pada halaman 77, pilih [Save/load settings on card (Simpan/muat tetapan pada kad)].




2 Pilih [Load settings from card (Muat tetapan dari kad)].



3 Pilih fail tetapan.

- Pilih fail tetapan yang sepadan dengan persekitaran rangkaian anda.



4 Pilih [OK].

- Maklumat daripada fail tetapan dimuatkan ke dalam nombor tetapan yang dipilih.




Walaupun jika komputer atau peranti lain digunakan untuk menyimpan lebih daripada sepuluh fail tetapan pada satu kad, hanya sepuluh yang akan dipaparkan pada skrin muat tetapan kamera. Untuk memuat sebelas atau lebih banyak fail tetapan, muat sehingga sepuluh fail tetapan terlebih dahulu, kemudian muat fail lain dari kad yang tidak mengandungi fail tetapan yang telah dimuatkan.

Skrin Tetapan Fungsi


Pada skrin [Function settings (Tetapan fungsi)], anda boleh mengkonfigurasikan tetapan untuk pemindahan FTP dan Pelayan WFT, menetapkan fungsi jimat kuasa dan memeriksa alamat MAC.

Memaparkan Skrin Tetapan Fungsi




1 Pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)].

- Di bawah tab [3], pilih [Communication settings (Tetapan komunikasi)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].

- Tetapkan [Communication func (Fungsi komunikasi)] kepada [Enable (Aktif)], kemudian pilih [Network settings (Tetapan rangkaian)].




3 Pilih [Function settings (Tetapan fungsi)].

- Skrin [Function settings (Tetapan fungsi)] dipaparkan.




[FTP transfer settings (Tetapan pemindahan FTP)]



Konfigurasikan tetapan pemindahan FTP. Lihat halaman 21 untuk menetakannya.

[WFT server settings (Tetapan pelayan WFT)]



Konfigurasikan tetapan pelayan WFT. Anda boleh menetapkan akaun WFT dan nombor port.

- Untuk arahan tentang menetapkan akaun WFT, lihat halaman 44.
- Ambil perhatian bahawa biasanya nombor port (80) tidak perlu ditukar.

[Power saving (Jimat kuasa)]

- **Pemindahan FTP**

Apabila **[Enable (Aktif)]** ditetapkan, jika tiada imej dipindah untuk jangka masa yang tertentu, kamera akan log keluar dari pelayan FTP dan hentikan LAN. Apabila kamera bersedia untuk pemindahan imej, sambungan akan diwujudkan semula secara automatik.

- **EOS Utility/Pelayan WFT/Telefon pintar**

Apabila **[Enable (Aktif)]** ditetapkan dan tiada komunikasi diwujudkan untuk jangka masa yang tertentu, kadar penghantaran akan turun untuk menjimat kuasa.

[MAC address (Alamat MAC)]

Alamat MAC kamera boleh diperiksa. Alamat MAC kamera dipaparkan dalam **[Wired (Berwayar)]**.

9

Panduan Penyelesaian Masalah


Respons kepada Mesej Ralat

Jika ralat LAN berwayar dipaparkan pada monitor LCD kamera, rujuk kepada contoh aksi pembetulan dalam bahagian ini untuk singkirkan punca ralat. Jika ralat berlaku, lampu <LAN> pada kamera berkelip merah. Butiran ralat juga boleh diperiksa di bawah tab [43]

[Communication settings (Tetapan komunikasi)] → [Network settings (Tetapan rangkaian)] → [Error description (Penerangan ralat)].

11 (hlm.89)	12 (hlm.89)			
21 (hlm.89)	22 (hlm.91)	23 (hlm.92)	24 (hlm.92)	
41 (hlm.94)	42 (hlm.96)	43 (hlm.96)	44 (hlm.96)	45 (hlm.97)
46 (hlm.98)	47 (hlm.98)			
73 (hlm.99)				
81 (hlm.99)				
91 (hlm.99)				

Jika [Waiting to retry transfer... (Tunggu untuk cuba pemindahan semula...)] dipaparkan



Jika pemindahan imej melalui FTP gagal selepas penangkapan, skrin di sebelah kiri dipaparkan dan <LAN> kamera berkelip merah. Periksa nombor kod ralat dan singkirkan punca ralat. Sebaik sahaja punca ralat disingkirkan, imej sebelum yang gagal dipindah akan dipindah semula secara automatik. Ambil perhatian bahawa apabila anda membatalkan pemindahan imej atau mematikan kamera, imej tidak akan dipindah semula secara automatik. Lihat halaman 32 dan pindah imej.

11: Connection target not found (Sasaran sambungan tidak didapatkan)

- Dalam keadaan [EOSUtility], adakah EOS Utility sedang berjalan?
- ▶ Mulakan EOS Utility dan wujud semula sambungan (hlm.40).
- Dalam keadaan [Smartphone (Telefon pintar)], adakah Camera Connect sedang berjalan?
- ▶ Wujudkan sambungan menggunakan Camera Connect (hlm.60).

12: Connection target not found (Sasaran sambungan tidak didapatkan)

- Adakah peranti sasaran dan titik akses dihidupkan?
- ▶ Hidupkan peranti sasaran dan titik akses, kemudian tunggu sebentar. Jika sambungan masih tidak dapat diwujudkan, laksanakan prosedur untuk mewujudkan sambungan sekali lagi.

21: No address assigned by DHCP server (Tiada alamat ditetapkan oleh pelayan DHCP)

Apa yang perlu diperiksa pada kamera

- Pada kamera, alamat IP ditetapkan kepada [Auto setting (Tetapan auto)]. Adakah ini tetapan yang betul?
- ▶ Jika tiada pelayan DHCP digunakan, konfigurasikan tetapan selepas menetapkan alamat IP kepada [Manual setting (Tetapan manual)] pada kamera (hlm.106).

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan DHCP

- **Adakah kuasa pelayan DHCP hidup?**
 - ▶ Hidupkan pelayan DHCP.
- **Adakah alamat untuk diperuntukkan oleh pelayan DHCP mencukupi?**
 - ▶ Menambahkan jumlah alamat yang diperuntukkan oleh pelayan DHCP.
 - ▶ Mengeluarkan alamat peranti yang diperuntukkan oleh pelayan DHCP daripada rangkaian untuk mengurangkan jumlah alamat yang sedang digunakan.
- **Adakah pelayan DHCP berfungsi dengan betul?**
 - ▶ Periksa tetapan pelayan DHCP untuk memastikan ia berfungsi dengan betul sebagai pelayan DHCP.
 - ▶ Jika sesuai, tanya pentadbir rangkaian anda untuk memastikan pelayan DHCP tersedia.

Apa yang perlu diperiksa pada keseluruhan rangkaian

- **Adakah rangkaian anda mempunyai penghala atau peranti yang sama yang berfungsi sebagai get laluan?**
 - ▶ Jika sesuai, dapatkan alamat get laluan rangkaian daripada pentadbir rangkaian anda dan masukkan pada kamera (hlm.101, 106).
 - ▶ Pastikan tetapan alamat get laluan dimasukkan dengan betul pada semua rangkaian peranti, termasuk kamera.

22: No response from DNS server (Tiada balasan dari pelayan DNS)

Apa yang perlu diperiksa pada kamera

- Pada kamera, alamat DNS ditetapkan kepada [Manual setting (Tetapan manual)]. Adakah ini tetapan yang betul?
- ▶ Jika tiada pelayan DNS digunakan, tetapkan tetapan alamat DNS kamera kepada [Disable (Lumpuhkan)] (hlm.106).
- Pada kamera, adakah tetapan alamat IP pelayan DNS sepadan dengan alamat sebenar pelayan?
- ▶ Pada kamera, tetapkan alamat IP yang sepadan dengan alamat pelayan DNS yang digunakan (hlm.101, 106).

Apakah yang perlu diperiksa pada pelayan DNS

- Adakah kuasa pelayan DNS hidup?
- ▶ Hidupkan pelayan DNS.
- Adakah tetapan pelayan DNS untuk alamat IP dan nama yang berkenaan adalah betul?
- ▶ Pada pelayan DNS, pastikan alamat IP dan nama yang berkenaan dimasukkan dengan betul.
- Adakah pelayan DNS berfungsi dengan betul?
- ▶ Periksa tetapan pelayan DNS untuk memastikan pelayan berfungsi dengan betul sebagai pelayan DNS.
- ▶ Jika sesuai, tanya pentadbir rangkaian anda untuk memastikan pelayan DNS tersedia.

Apa yang perlu diperiksa pada keseluruhan rangkaian

- Adakah rangkaian anda mempunyai penghala atau peranti yang sama yang berfungsi sebagai get laluan?
- ▶ Jika sesuai, dapatkan alamat get laluan rangkaian daripada pentadbir rangkaian anda dan masukkan pada kamera (hlm.101, 106).
- ▶ Pastikan tetapan alamat get laluan dimasukkan dengan betul pada semua rangkaian peranti, termasuk kamera.

23: Duplicate IP address (Alamat IP pendua)

Apa yang perlu diperiksa pada kamera

- **Adakah peranti lain pada rangkaian kamera menggunakan alamat IP yang sama seperti kamera?**
- ▶ Tukar alamat IP kamera untuk mengelakkan penggunaan alamat yang sama seperti peranti lain pada rangkaian. Atau, tukar alamat IP peranti yang mempunyai alamat pendua.
- ▶ Jika alamat IP kamera ditetapkan kepada **[Manual setting (Tetapan manual)]** dalam persekitaran rangkaian yang menggunakan pelayan DHCP, tukar tetapan kepada **[Auto setting (Tetapan auto)]** (hlm.18).

24: No response from proxy server (Tiada balasan dari pelayan proksi)

Apa yang perlu diperiksa pada kamera

- **Tetapan pelayan proksi kamera adalah [Enable (Aktif)]. Adakah ini tetapan yang betul?**
- ▶ Jika tiada pelayan proksi digunakan, tetapkan tetapan pelayan proksi kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** (hlm.23).
- **Adakah tetapan [Address setting (Tetapan alamat)] dan [Port No. (Nombor port)] kamera sepadan dengan pelayan proksi?**
- ▶ Konfigurasi alamat pelayan proksi dan nombor port kamera supaya sepadan dengan pelayan proksi (hlm.23).
- **Adakah tetapan pelayan proksi kamera dimasukkan dengan betul pada pelayan DNS?**
- ▶ Pastikan **[Address (Alamat)]** pelayan proksi dimasukkan dengan betul pada pelayan DNS.

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan proksi

- **Adakah kuasa pelayan proksi hidup?**
 - ▶ Hidupkan kuasa pelayan proksi.
- **Adakah pelayan proksi berfungsi dengan betul?**
 - ▶ Periksa tetapan pelayan proksi untuk memastikan ia berfungsi dengan betul sebagai pelayan proksi.
 - ▶ Jika sesuai, dapatkan tetapan alamat pelayan proksi dan nombor port daripada pentadbir rangkaian anda, kemudian masukkan pada kamera.

Apa yang perlu diperiksa pada keseluruhan rangkaian

- **Adakah rangkaian anda mempunyai penghala atau peranti yang sama yang berfungsi sebagai get laluan?**
 - ▶ Jika sesuai, dapatkan alamat get laluan rangkaian daripada pentadbir rangkaian anda dan masukkan pada kamera.
 - ▶ Pastikan tetapan alamat get laluan dimasukkan dengan betul pada semua rangkaian peranti, termasuk kamera.

41: Cannot connect to FTP server (Tidak dapat menyambung ke pelayan FTP)

Apa yang perlu diperiksa pada kamera

- **Pada kamera, adakah tetapan alamat IP pelayan FTP sepadan dengan alamat sebenar pelayan?**
 - ▶ Konfigurasi alamat IP pada kamera supaya sepadan dengan alamat pelayan FTP sebenar (hlm.22).
- **Pada kamera, adakah [Port number setting (Tetapan nombor port)] untuk pelayan FTP sepadan dengan nombor port sebenar pelayan FTP?**
 - ▶ Konfigurasi nombor port yang sama (biasanya 21) pada kamera dan pelayan FTP. Konfigurasi nombor port pada kamera supaya sepadan dengan nombor port pelayan FTP sebenar (hlm.23).
- **Adakah tetapan pelayan FTP kamera dimasukkan dengan betul pada pelayan DNS?**
 - ▶ Pastikan [Server name (Nama pelayan)] pelayan FTP dimasukkan dengan betul pada pelayan DNS. Pastikan [Server name (Nama pelayan)] untuk pelayan FTP dimasukkan dengan betul pada kamera (hlm.22).

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan FTP

- **Adakah pelayan FTP berfungsi dengan betul?**
 - ▶ Konfigurasi komputer dengan betul supaya berfungsi sebagai pelayan FTP.
 - ▶ Jika sesuai, dapatkan alamat pelayan FTP dan nombor port daripada pentadbir rangkaian anda, kemudian masukkan pada kamera.
- **Adakah kuasa pelayan FTP hidup?**
 - ▶ Hidupkan pelayan FTP. Pelayan mungkin dimatikan kerana mod jimat kuasa.
- **Pada kamera, adakah tetapan alamat IP pelayan FTP (dalam [Address (Alamat)]) sepadan dengan alamat sebenar pelayan?**
 - ▶ Konfigurasi alamat IP pada kamera supaya sepadan dengan alamat pelayan FTP sebenar (hlm.22).
- **Adakah tembok api atau perisian keselamatan lain diaktifkan?**
 - ▶ Sesetengah perisian keselamatan menggunakan tembok api untuk mengehadkan akses ke pelayan FTP. Tukar tetapan tembok api untuk membenarkan akses ke pelayan FTP.
 - ▶ Anda mungkin boleh mengakses pelayan FTP dengan menetapkan [**Passive mode (Mod Pasif)**] kepada [**Enable (Aktif)**] pada kamera (hlm.81).
- **Adakah anda menyambung ke pelayan FTP melalui penghala jalur lebar?**
 - ▶ Sesetengah penghala jalur lebar menggunakan tembok api untuk mengehadkan akses ke pelayan FTP. Tukar tetapan tembok api untuk membenarkan akses ke pelayan FTP.
 - ▶ Anda mungkin boleh mengakses pelayan FTP dengan menetapkan [**Passive mode (Mod Pasif)**] kepada [**Enable (Aktif)**] pada kamera (hlm.81).

Apa yang perlu diperiksa pada keseluruhan rangkaian

- **Adakah rangkaian anda mempunyai penghala atau peranti yang sama yang berfungsi sebagai get laluan?**
- ▶ Jika sesuai, dapatkan alamat get laluan rangkaian daripada pentadbir rangkaian anda dan masukkan pada kamera (hlm.101, 106).
- ▶ Pastikan tetapan alamat get laluan dimasukkan dengan betul pada semua rangkaian peranti, termasuk kamera.

42: FTP server rejected connection (Pelayan FTP menolak sambungan)

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan FTP

- **Adakah pelayan FTP dikonfigurasi untuk menghadkan akses kepada sesetengah alamat IP sahaja?**
- ▶ Tukar tetapan pelayan FTP untuk membenarkan akses daripada [IP address (Alamat IP)] yang dikonfigurasi pada kamera dalam tetapan TCP/IP.

43: Cannot connect to FTP server. Error code received from server. (Tidak dapat menyambung ke pelayan FTP. Kod ralat diterima dari pelayan.)

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan FTP

- **Adakah anda melebihi bilangan maksimum sambungan pelayan FTP?**
- ▶ Putuskan sambungan sesetengah peranti rangkaian dari pelayan FTP atau meningkatkan bilangan maksimum sambungan dalam tetapan pelayan FTP.

44: Cannot disconnect FTP server. Error code received from server. (Tidak dapat memutuskan sambungan ke pelayan FTP. Kod ralat diterima dari pelayan.)

- **Ralat ini berlaku jika kamera gagal memutuskan sambungan dari pelayan FTP kerana sesetengah sebab.**
- ▶ Matikan dan hidupkan pelayan FTP dan kamera.

45: Cannot login to FTP server. Error code received from server. (Tidak dapat log masuk ke pelayan FTP. Kod ralat diterima dari pelayan.)

Apa yang perlu diperiksa pada kamera

- **Pada kamera, adakah [Login name (Nama Log Masuk)] dimasukkan dengan betul?**
- ▶ Periksa nama log masuk untuk mengakses pelayan FTP. Tetapan adalah sensitif huruf, jadi periksa huruf besar dan kecil. Pastikan nama log masuk yang betul dimasukkan pada kamera (hlm.23).
- **Pada kamera, adakah [Login password (Kata laluan Log Masuk)] dimasukkan dengan betul?**
- ▶ Jika kata laluan log masuk dikonfigurasi pada pelayan FTP, periksa huruf besar dan kecil untuk memastikan kata laluan pada kamera sepadan dengannya (hlm.23).

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan FTP

- **Adakah hak pengguna untuk pelayan FTP membenarkan membaca, menulis dan akses log?**
- ▶ Konfigurasi hak pengguna pelayan FTP untuk membenarkan membaca, menulis dan akses log.
- **Adakah folder yang ditentukan sebagai destinasi pemindahan pada pelayan FTP dinamakan dengan aksara ASCII (hlm.15)?**
- ▶ Gunakan aksara ASCII untuk nama folder.

46: For the data session, error code received from FTP server (Bagi sesi data, kod ralat diterima dari pelayan FTP)

Apa yang perlu diperiksa pada pelayan FTP

- **Sambungan ditamatkan oleh pelayan FTP.**
 - ▶ Mula semula pelayan FTP.
- **Adakah hak pengguna untuk pelayan FTP membenarkan membaca, menulis dan akses log?**
 - ▶ Konfigurasi hak pengguna pelayan FTP untuk membenarkan membaca, menulis dan akses log.
- **Adakah hak pengguna membenarkan akses ke folder sasaran pada pelayan FTP?**
 - ▶ Konfigurasi hak pengguna untuk akses ke folder sasaran pada pelayan FTP supaya membenarkan menyimpan imej dari kamera.
- **Adakah kuasa pelayan FTP hidup?**
 - ▶ Hidupkan pelayan FTP. Pelayan mungkin dimatikan kerana mod jimat kuasa.
- **Adakah cakera keras pelayan FTP penuh?**
 - ▶ Tingkatkan ruang tersedia pada cakera keras.

47: Image file transfer completion not confirmed by FTP server (Penyelesaian pemindahan fail imej tidak disahkan oleh pelayan FTP)

- **Ralat ini berlaku jika kamera gagal menerima pengesahan dari pelayan FTP yang pemindahan fail imej telah selesai atas sebab.**
 - ▶ Matikan dan hidupkan pelayan FTP dan kamera, kemudian pindahkan imej semula.

73: Could not synchronize the time (Tidak dapat menyelaraskan masa)

- **Adakah anda sedang mengikuti prosedur yang betul untuk mewujudkan sambungan antara kamera induk dan hamba?**
- ▶ Kendalikan kamera induk dan hamba dengan mengikuti arahan yang betul (hlm.68-70).
- **Adakah kamera induk terlalu jauh dari kamera hamba?**
- ▶ Dekatkan kamera induk dan hamba bersama satu lain.

81: Wired LAN connection lost (Sambungan LAN berwayar hilang)

- **Adakah kabel LAN disambung dengan kukuh?**
- ▶ Sambung semula kabel LAN antara kamera dan pelayan. Kerana kabel mungkin rosak, cuba menggunakan kabel lain untuk menyambung ke peranti.
- **Adakah hub atau penghala hidup?**
- ▶ Hidupkan hub atau penghala.
- **Adakah kuasa pelayan FTP hidup?**
- ▶ Hidupkan pelayan FTP. Pelayan mungkin dimatikan kerana mod jimat kuasa.



91: Other error (Ralat yang lain)

- **Masalah selain nombor kod ralat 11 sehingga 81 berlaku.**
- ▶ Matikan dan hidupkan suis kuasa kamera.

Panduan Penyelesaian Masalah

Jika masalah berlaku, rujuk kepada Panduan Penyelesaian Masalah ini terlebih dahulu untuk memeriksa kamera dan peranti yang disambungkan. Jika Panduan Penyelesaian Masalah ini tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut, hubungi Canon Service Center terdekat.

Tidak dapat pindahkan imej ke pelayan FTP.

- Untuk memindahkan imej yang ditangkap ke pelayan FTP, tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <  >.
Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <  >, imej tidak boleh dipindah.

Tidak boleh disambungkan semula ke telefon pintar.

- Walaupun dengan gabungan kamera dan telefon pintar yang sama, jika anda telah menukar tetapan atau memilih tetapan yang berbeza, sambungan semula mungkin tidak dapat diwujudkan walaupun selepas memilih SSID yang sama. Dalam keadaan sedemikian, padamkan tetapan sambungan kamera daripada tetapan Wi-Fi pada telefon pintar dan sediakan sambungan semula.
- Jika Camera Connect dibiarkan berjalan ketika menyediakan semula sambungan, sambungan mungkin tidak dapat diwujudkan. Dalam keadaan ini, mulakan semula Camera Connect.

Memeriksa Tetapan Rangkaian

- **Windows**

Buka Windows [**Command Prompt**], kemudian taip `ipconfig/all` dan tekan kekunci <**Enter**>.

Alamat IP yang ditetapkan kepada komputer dipaparkan, begitu juga dengan maklumat mask subnet, get laluan dan pelayan DNS.

- **Mac OS**

Dalam Mac OS X, buka aplikasi [**Terminal**], masukkan `ifconfig -a` dan tekan kekunci <**Return**>. Alamat IP yang ditetapkan kepada komputer ditunjukkan dalam item [**en0**] mengikut [**inet**], dalam format "****.***.***.***".

* Untuk maklumat mengenai aplikasi [**Terminal**], rujuk kepada bantuan Mac OS X.

Untuk mengelakkan menggunakan alamat IP yang sama untuk komputer dan peranti lain pada rangkaian, tukar nombor paling kanan apabila mengkonfigurasi alamat IP yang ditetapkan kepada kamera dalam proses yang diterangkan pada halaman 106.

Contoh: 192.168.1(10)

Keselamatan

Jika tetapan keselamatan tidak ditetapkan dengan betul, masalah berikut mungkin berlaku.

- **Akses rangkaian tanpa kebenaran**

Pihak ketiga yang berniat jahat mungkin akan mendapat akses tanpa kebenaran kepada rangkaian yang sedang anda gunakan untuk mencuri, mengubah suai atau memusnahkan maklumat. Selain itu, anda boleh menjadi mangsa jenis akses tanpa kebenaran yang lain seperti penyamaran (apabila seseorang menggunakan identiti untuk mendapat akses kepada maklumat tanpa kebenaran) atau serangan loncatan (apabila seseorang mendapat akses tanpa kebenaran kepada rangkaian anda sebagai loncatan untuk meliputi jejak mereka apabila menyusup ke dalam sistem lain).

Untuk mengelakkan masalah sebegini daripada berlaku, memastikan keselamatan rangkaian anda secara menyeluruh.

[illegible]


10

Rujukan

Mencipta dan Mendaftar Tajuk


Ikuti langkah ini untuk mencipta tajuk dan mendaftarkannya pada kamera, seperti yang diterangkan dalam “Menambah Tajuk Sebelum Pemindahan” (hlm.36). Apabila mencipta dan mendaftar tajuk, gunakan komputer yang EOS Utility telah dipasang.

Lihat “Mengendali secara Jauh Menggunakan EOS Utility” pada halaman 39 untuk membolehkan penggunaan EOS Utility melalui LAN.



1 Mulakan EOS Utility dan pilih [Camera settings].

- Skrin tetapan kamera dipaparkan.



2 Pilih [WFT Captions].

- Skrin untuk mencipta tajuk dipaparkan.

WFT Captions

Register text to use with
[Transfer with caption] feature.

1 Canon

2

3

4

3 Masukkan tajuk.

- Masukkan sehingga 31 aksara (dalam format ASCII).
- Untuk memperoleh data tajuk yang disimpan dalam kamera, pilih [**Load settings**].

12 11

13 12

14 13

15 14


Load settings Apply to camera Close

4 Daftarkan tajuk pada kamera.

- Pilih [**Apply to camera**] untuk mendaftarkan tajuk baru pada kamera.


Menetapkan Alamat IP secara Manual

Tetapkan tetapan alamat IP secara manual. Item yang dipaparkan akan berbeza bergantung pada kaedah komunikasi.




1 Pilih [Manual setting (Tetapan manual)].

- Pilih [OK] dan tekan <SET> untuk ke skrin berikutnya.



2 Pilih item untuk ditetapkan.

- Pilih item dan tekan <SET>. Skrin pemasukan nombor akan muncul.
- Untuk menggunakan get laluan, alamat DNS atau IPsec, pilih [Enable (Aktif)], pilih [Address (Alamat)], kemudian tekan <SET>.



3 Masukkan nilai yang diinginkan.

- Putar dial <🔧> untuk menggerakkan kedudukan input dalam kawasan atas dan putar dial <🕒> untuk memilih nombor. Tekan <SET> untuk memasukkan nombor yang dipilih.
- Untuk menetapkan nilai yang dimasukkan dan kembali ke skrin untuk langkah 2, tekan butang <MENU>.



IP address set.

IP address	192.168.1.3
Subnet mask	255.255.255.0
Gateway	Disable
DNS address	162.168.11.1
IP security	Disable

Cancel OK

4 Pilih [OK].

- Apabila anda selesai menetapkan item yang diperlukan, pilih **[OK]** dan tekan **<SET>**.
- ▶ Skrin tetapan untuk kaedah komunikasi akan muncul.
- Jika anda tidak pasti apa untuk dimasukkan, lihat “Memeriksa Tetapan Rangkaian” (hlm.101), atau hubungi pentadbir rangkaian atau pihak lain yang berpengetahuan tentang rangkaian tersebut.

Spesifikasi LAN Berwayar

■ LAN Berwayar

Ethernet: 1000BASE-T, 100BASE-TX, 10BASE-T
Keselamatan: IPsec

■ Fungsi LAN

Pemindahan FTP: Pemindahan automatik
Pemilihan dan pemindahan imej
Pemindahan menggunakan butang SET
Pemindahan dengan tajuk
* FTPS disokong

EOS Utility: Fungsi kawalan jauh EOS Utility melalui LAN berwayar
Pelayan WFT: Kawalan kamera, Kawalan ringkas
Semak imej dan muat turun

Telefon pintar: Imej boleh dilihat, dikawal dan diterima
menggunakan telefon pintar.
Kawalan jauh kamera menggunakan telefon pintar
boleh dilakukan.

Menyelaras masa kamera: Menyelaras sehingga 10 kamera hamba kepada
masa kamera induk
Jidar selisih dengan kamera induk: Kira-kira ± 0.05 saat
* Menyelaraskan masa kamera antara model
kamera yang sama.

■ Bilangan Tangkapan yang Boleh Diambil

Bilangan tangkapan yang boleh diambil semasa

[Automatic transfer (Pemindahan automatik)]

(Anggaran tangkapan)

Suhu	Suhu Normal (23°C / 73°F)	Suhu Rendah (0°C / 32°F)
Tangkapan yang boleh diambil	1050	900

* Angka di atas berdasarkan Pek Bateri LP-E19 yang dicas sepenuhnya,
[Power saving (Jimat kuasa)] diaktifkan dan standard pengujian CIPA
(Camera & Imaging Products Association).

- Semua data di atas berdasarkan standard pengujian Canon dan standard pengujian
serta garis panduan CIPA (Camera & Imaging Products Association).

Tanda dagang

- Microsoft dan Windows ialah tanda dagang atau tanda dagang berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.
- Macintosh dan Mac OS ialah tanda dagang Apple Inc., berdaftar di Amerika Syarikat dan negara lain.
- UPnP ialah tanda dagang UPnP Implementers Corporation.
- Semua tanda dagang lain ialah harta pemilik masing-masing.

[illegible]

[illegible]

[illegible]

Indeks

A

Akaun (WFT).....	44, 85
Alamat DNS	106
Alamat IP	18, 106
Alamat MAC.....	40, 86

B

Berpasangan.....	40
Bilangan tangkapan yang boleh diambil.....	108

C

Camera Connect.....	11, 62
---------------------	--------

E

EOS Utility.....	10, 39, 42
------------------	------------

F

Filem	50, 55, 57
Folder.....	24, 37
Folder sasaran	24, 37, 80
FTPS.....	22

G

Get laluan.....	106
-----------------	-----

I

Imej yang boleh dilihat	64
Imej yang telah dipindah	37

J

JPEG.....	30
-----------	----

K

Kaedah log masuk	23
Kamera hamba	69
Kamera induk.....	69
Kata laluan	44
Kawalan kamera (Penangkapan kawalan jauh)	51
Kawalan ringkas (Penangkapan kawalan jauh)	56

Keselamatan IP (IPsec).....	79
Kuasa terpadam secara auto	16

L

LAN berwayar.....	17
-------------------	----

M

Mask subnet	101, 106
Melihat imej	49, 62
Menulis ganti fail dengan nama sama.....	80
Menyambung semula	73
Mesej ralat.....	88
Mod FTP.....	22
Mod pasif.....	81

N

Nama log masuk	44
Nama samaran.....	13
Nombor port	23

P

Papan kekunci.....	15
Pelayan DHCP	18
Pelayan DNS.....	101
Pelayan FTP.....	21
Pelayan proksi.....	23
Pelayan WFT.....	10, 43
PelayanWFT.....	10, 43
Pelayar	10, 47
Pelayar web.....	10, 47
Pemindahan dengan SET	29
Pemindahan FTP	9, 21
Pemindahan imej.....	21
Pemindahan imej automatik	27
Pemindahan imej individu	27
Pemindahan kelompok.....	32
Penangkapan kawalan jauh.....	42, 51, 56, 62
Pengesahan	79

Penghala.....	8, 18
Penyelesaian Masalah.....	87
Pilih folder	24
Pindah selepas penangkapan	32
Pindah semula.....	31

R

Rangkaian.....	7
RAW	30
RAW+JPEG	30

S

Sejarah pemindahan.....	33
Selaraskan masa kamera	11, 67

T

Tajuk	36, 104
TCP/IP	78
Telefon pintar	11, 59
Tetapan	82
Memuatkan.....	83
Menyimpan.....	82
Tetapan fungsi	84
Tuntunan sambungan	16

U

URL.....	47
----------	----

[illegible]



Penerangan dalam Manual Arahkan ini adalah yang terkini pada Januari 2016. Untuk maklumat mengenai keserasian dengan sebarang produk yang diperkenalkan selepas tarikh ini, hubungi mana-mana Pusat Perkhidmatan Canon. Untuk Manual Arahkan versi terbaru, rujuk kepada laman web Canon.